



**PENGAJIAN SUNNAH NABAWIYYAH**  
*Metode dan Aliran*



**Khadher Ahmad**

**Sedek Arifin**

**Monika @ Munirah Abd Razzak**

PENGAJIAN  
SUNNAH NABAWIYYAH  
**METODE DAN ALIRAN**

*Editor:*

KHADHER AHMAD  
SEDEK ARIFFIN  
MONIKA @ MUNIRAH ABD RAZZAK

**2017**



PENGAJIAN  
SUNNAH NABAWIYYAH  
**METODE DAN ALIRAN**

*Editor Bersama:*

MOHD YAKUB @ ZULKIFLI MOHD YUSOFF  
MUSTAFFA ABDULLAH  
FAISAL AHMAD SHAH  
THABET AHMAD ABDALLAH ABU-ALHAJ  
ABDOLLATIF AHMADI RAMCHAHI  
SELAMAT AMIR  
MUHAMAD ALIHANAFIAH NORASID

**2017**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

**Pengajian Sunnah Nabawiyyah: Metode Dan Aliran**  
*Cetakan Pertama 2017*

Perpustakaan Negara Malaysia  
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

**ISBN: 978-967-5534-75-1**

***Editor:***

Khadher Ahmad, Sedek Ariffin, Monika @ Munirah Abd Razzak

Buku ini disusun atur dengan menggunakan font Times New Roman dan Traditional Arabic

*Diterbitkan oleh:*

Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Emel : [api\\_quran@um.edu.my](mailto:api_quran@um.edu.my)  
Tel : +603-79676046  
Faks : +603-79676143

# PRAKATA

Segala puji-pujian bagi Allah SWT, Tuhan yang memilik segala-galanya. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, Rasul junjungan mulia utusan yang membawa rahmat sekalian alam.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana telah memberikan ruang dan peluang yang luas serta pelbagai nikmat kurniaan yang tidak terhitung nilainya sehingga terhasilnya buku ini.

Dewasa ini, perkembangan ilmu hadith dan pengajiannya amat rancak di Malaysia khususnya. Pelbagai pendekatan yang digunakan dalam menyampaikan hadith dan ilmunya seperti penganjuran seminar dalam dan luar negara, konferen, wacana, daurah, pengajian bersanad, liqa' dan sebagainya lagi. Bahkan, pengajian secara *live* (langsung) dalam media sosial turut berlaku dan mendapat tontonan yang amat menggalakkan dalam kalangan masyarakat. Tambahan lagi, kemunculan tokoh atau *figure-figure* yang mendukung pengajian ini, telah merancakkan lagi perkembangannya.

Buku “**Pengajian Sunnah Nabawiyah: Metode dan Aliran**” adalah merupakan kumpulan beberapa artikel yang telah dibentangkan dalam International Conference on Sunnah Nabawiah IV (MUSNAD IV) yang berlangsung pada 10-11 Oktober 2017 bersamaan dengan 21-22 Muharam 1439H anjuran Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dengan kerjasama geran penyelidikan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) yang bernombor FP026-2015A bertajuk: “*Salah Faham Terhadap Sunnah Di Malaysia: Kajian Ke Arah Mengharmonikan Pandangan Antara Golongan Yang Menolak Dengan Golongan Yang Menerima*” bagi tempoh penyelidikan selama dua tahun dari 2015-2017.

Terdapat 13 artikel yang dikumpulkan dalam buku ini yang telah ditulis dan dihasilkan oleh para sarjana dan penyelidik di Universiti dan institut pengajian tinggi. Hampir keseluruhan artikel itu adalah hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh mereka. Topik yang dibincangkan dalam buku ini memberi fokus terhadap perbincangan berkaitan dengan metode dan aliran dalam memahami hadith.

Antara perbincangan yang dikemukakan adalah berhubung dengan aliran-aliran kontemporari dalam pengajian hadith yang wujud di Malaysia serta faktor-faktor yang membawa kepada keberadaan dan perkembangan pelbagai aliran tersebut. Dalam pada itu terdapat juga perbincangan terhadap pelbagai isu seperti isu dalam muamalat, ibadah, akhlak dan sebagainya yang dibincangkan dari perspektif aliran tradisional dan kontemporari.

Sekalung penghargaan kepada warga Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam yang bertungkus lumus untuk menjayakan penerbitan buku ini dengan kerjasama dari geran penyelidikan FP026-2015A. Pada masa yang sama telah berjaya menganjurkan International Conference on Sunnah Nabawiah IV dengan jaya.

Semoga usaha yang dilakukan ini akan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak, khususnya dalam kalangan penuntut dan pengkaji hadith dalam memahami dengan tepat metode para ulama dalam memahami dan berinteraksi dengan hadith. Pada masa yang sama dapat melihat perkembangan dan keberadaan pelbagai aliran dalam pengajian hadith kontemporari yang wujud pada masa kini.

**Sidang Editor**

6 Oktober 2017



# SENARAI KANDUNGAN

PRAKATA

i

SENARAI KANDUNGAN

iii

|    | <b>Tajuk Kertas Kerja</b>   | <b>Halaman</b> |
|----|---|----------------|
| 1. | ALIRAN KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN SUNNAH NABAWIAH<br>Fauzi Deraman, Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin   | 1-16           |
| 2. | ALIRAN-ALIRAN DALAM PENGAJIAN HADITH: FAKTOR KEBERADAAN DAN PERKEMBANGANNYA DI MALAYSIA<br>Khadher Ahmad, Muhammad Adam Abd. Azid   | 17-36          |
| 3. | ANALISIS HADITH “ <i>BID’AH DALALAH</i> ” MENURUT FUQAHA’ DAN MUHADDITHIN<br>Mohd Farhan Md Ariffin, Syed Jeffri Syed Jaafar, Sa’adan Man, Riswadi Azmi   | 37-52          |
| 4. | MANHAJ KAJIAN HADITH MENERUSI SAINS: PENDEKATAN ULAMA SILAM DAN PERKEMBANGANNYA<br>Mohd Yusuf Ismail  | 53-66          |
| 5. | <i>AI-MU’ĀMALAH AL-RIBĀWIYAH</i> MENURUT PERSPEKTIF FIQH: ANALISIS BERASASKAN HADITH DALAM <i>UMDAH AL-AHKAM</i><br>Muhammad Ikhlas Rosele, Ahmad Za’im Sabirin Mohd Yusoff, Luqman Hj. Abdullah, Nor Fahimah Mohd Razif, Muhammad Safwan Harun | 67-74          |
| 6. | KONSEP <i>TAGHYIR KHALQILLAH</i> MENURUT MUHADDITHIN: ANALISIS TERHADAP HADITH LARANGAN <i>AL-WASL, AL-WASHM, AL-NAMS</i> DAN <i>AL-TAFALLUJ</i><br>Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Anuar Ramli   | 75-92          |
| 7. | <i>TASHĪH</i> HADITH MELALUI KASYAF DALAM ALIRAN TASAWUF: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF <i>MUHADDITHĪN</i><br>Muhammad Adam Abd. Azid, Khadher Ahmad  | 93-102         |
| 8. | HADITH <i>AUQĀT AL-SOLAT</i> DALAM KITAB <i>SABĪL AL-MUHTADĪN</i> : TRANSISI DARIPADA ALIRAN TRADISIONAL KEPADA MODEN DI TANAH MELAYU<br>Ahmad Irfan Ikmal Hisham, Ishak Suliaman   | 103-120        |



|     |  |            |
|-----|--|------------|
| 9.  | PEMAHAMAN HADITH BERKAITAN DENGAN AMALAN SOLAT BERASASKAN PANDANGAN FUQAHA': KAJIAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) KELANTAN<br>Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman   | 121-144    |
| 10. | ALIRAN PENGAJIAN HADITH DI KEPULAUAN BORNEO: TINJAUAN DI BORNEO UTARA (SABAH, MALAYSIA)<br>Selamat Amir, Bambang Mohd Rafadi Yusoff  | 145-160    |
| 11. | PENGGUNAAN HADITH NABI DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN: TINJAUAN TERHADAP MANHAJ ABDEL HALEEM DALAM KARYA <i>UNDERSTANDING THE QURAN; THEMES AND STYLE</i><br>Hanif Mudhofar Abdul Jalil, Selamat Amir, Monika @ Munirah Abd Razzak | 161-176    |
| 12. | HADITH PENUNDAAN BAYARAN HUTANG: ANALISIS PANDANGAN MUHADDITH DAN FUQAHA'<br>Nik Mohd Zaim Ab Rahim, Ishak Suliaman, Monika @ Munirah Abd Razzak   | 177-190    |
| 13. | BANGLADESHI SCHOLARS APPROACH TOWARDS HADITH TRADITION: MUHAMMAD AMĪM AL-IHSĀN'S APPROACH AS A CASE STUDY<br>Muhammad Hosain, Abdollatif Ahmadi Ramchahi   | 191-208    |
|     | <b>CATATAN</b>   | <b>209</b> |





# KONSEP TAGHYIR KHALQILLAH MENURUT MUHADDITHIN: ANALISIS TERHADAP HADITH LARANGAN AL-WASL, AL-WASHM, AL-NAMS DAN AL-TAFALLUJ

Mohammad Naqib Hamdan<sup>1</sup>, Mohd Anuar Ramli<sup>2</sup>



## Abstrak

*Taghyir Khalqillah* sering digunakan sebagai 'illah larangan sesuatu perbuatan yang mengubah bentuk asal tubuh badan manusia. Hujah yang dikaitkan dengan *taghyir khalqillah* adalah hadith larangan Nabi SAW terhadap *al-wasl*, *al-washm*, *al-nams* dan *al-tafalluj*. Hadith ini sebenarnya dipetik dari komentar *mufassirin* terhadap huraian ayat al-Qur'an mengenai *taghyir khalqillah*, iaitu surah al-Nisa', ayat 119. Menurut sebahagian *muhaddithin*, empat perbuatan tersebut dilarang kerana mengubah ciptaan Allah SWT, manakala sebahagian pihak pula mengemukakan 'illah yang lain. Justeru, artikel ini akan membincangkan konsep *taghyir khalqillah* pada bahasa, di samping definisi, hukum dan 'illah larangan *al-wasl*, *al-washm*, *al-nams* dan *al-tafalluj*. Semua perbincangan *muhaddithin* dirujuk menerusi huraian mereka terhadap hadith berkaitan empat perbuatan tersebut. Terdapat beberapa 'illah larangan menurut *muhaddithin* seperti *taghyir khalqillah*, penipuan, bertujuan kecantikan, *tasyabbuh* dengan pelaku maksiat, kesan *taghyir* kekal pada badan dan penggunaan unsur najis. 'illah larangan selain *taghyir khalqillah* tadi akan digunakan sebagai *mukhassis* kepada 'illah *taghyir khalqillah*. Akhirnya, satu rajah konsep *taghyir khalqillah* menurut *muhaddithin* akan dicadangkan melalui *takhsis 'illah taghyir khalqillah* ini.

**Kata kunci:** *taghyir khalqillah*, *muhaddithin*, 'illah larangan, *takhsis 'illah*; rawatan kosmetik; pembedahan rekonstruksi

## Pendahuluan

Dalam era sains dan teknologi, manusia telah mencapai tingkat kemajuan dalam pelbagai bidang kehidupan. Pelbagai penemuan dan penciptaan telah dilakukan manusia bagi memenuhi keperluan dan kehendak kehidupan. Antara penemuan yang dicapai adalah melibatkan proses perubahan, iaitu *al-taghyir*. *Taghyir* adalah proses perubahan bahan asal kepada bahan baharu sama ada dalam bentuk kuantiti atau kualiti, malah ada perubahan yang dibenarkan dan dilarang syarak.

---

<sup>1</sup> Calon PhD, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, naqib.hamdan@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, mohdanuar@um.edu.my

*Taghyir Khalqillah* adalah konsep yang telah disebutkan oleh Allah SWT dalam surah al-Nisa', ayat 119. Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT membongkar beberapa perancangan syaitan yang mahu menyesatkan manusia. Antara cara tersebut adalah dengan mencipta angan-angan kosong kepada manusia, menyuruh manusia menyeksa haiwan dan mengubah ciptaan Allah SWT.<sup>3</sup> Maka, ayat ini secara jelas melarang manusia dari mengubah ciptaan syaitan.

Konsep *taghyir khalqillah* sering dijadikan 'illah larangan sesuatu perbuatan mengubah ciptaan Allah SWT oleh ulama' kontemporari. Contohnya, resolusi fatwa yang melarang pengubahan jantina sama ada dari wanita kepada lelaki atau lelaki kepada wanita<sup>4</sup>. Resolusi fatwa ini diputuskan oleh *Majma' al-Fiqhi al-Islami* yang berpusat di Mekah, salah satu badan fatwa utama dunia Islam. Berikut adalah teks resolusi fatwa berkaitan:

*Al-Majma' al-Fiqhi al-Islami* dalam persidangan kali ke-11, bertempat di Mekah al-Mukarramah, bermula hari Ahad 13 Rejab 1409H bersamaan 19 Februari 1989M hingga hari Ahad 20 Rejab 1409H bersamaan 26 Februari 1989M telah membincangkan isu transgender lelaki kepada wanita atau wanita kepada lelaki.

Lelaki atau wanita yang sempurna anggota kelamin tidak dibenarkan mengubah jantina. Sebarang usaha mengubah jantina adalah jenayah yang pelakunya akan dikenakan hukuman kerana mengubah ciptaan Allah SWT (*taghyir khalqillah*) dan pengubahan tersebut diharamkan oleh Allah SWT berdasarkan firman Allah SWT yang menjelaskan usaha syaitan untuk menyesatkan manusia: *Dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah SWT* [al-Nisa':199]. Disebutkan juga dalam *Sahih Muslim*, hadith riwayat Ibn Mas'ud RA: *Allah SWT melaknat wanita pencukur bulu kening, wanita yang meminta dicukur bulu kening, wanita pencacah tatu, wanita yang meminta dicacah tatu dan wanita yang menjarakkan gigi untuk kecantikan (kerana ia) mengubah ciptaan Allah SWT. Kemudian, beliau berkata: Adakah aku tidak dibenarkan melaknat orang yang telah dilaknat oleh Nabi SAW sedangkan Allah SWT berfirman: Dan apa-apa yang disampaikan oleh Rasul, terimalah ia, dan apa-apa yang dilarangnya, jauhilah ia* [al-Hashr: 7].<sup>5</sup>

Berdasarkan teks di atas, hadith berkaitan menyambung rambut (*al-wasl*), mencukur bulu kening (*al-washm*), mencacah tatu (*al-nams*) dan menjarakkan

---

<sup>3</sup> Surah al-Nisa':119.

<sup>4</sup> Al-Salus, 'Ali Ahmad, Mawsu'ah al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Mu'asirah wa al-Iqtisad al-Islami (Kaherah: Maktabah Dar al-Qur'an, 2002), 699.

<sup>5</sup> Ibid.,

gigi (*al-tafalluj*) digunakan sebagai dalil sokongan larangan *taghyir khalqillah*. Hal ini turut boleh dilihat dalam komentar *mufassirin* ketika menghuraikan ayat berkaitan *taghyir khalqillah*.

Mereka akan menggunakan hadith larangan Nabi SAW terhadap semua perbuatan tersebut bagi menggambarkan larangan *taghyir khalqillah*. Antara *mufassirin* yang menggunakan hadith ini adalah al-Tabari,<sup>6</sup> al-Qurtubi,<sup>7</sup> Ibn ‘Atiyyah,<sup>8</sup> Ibn Kathir<sup>9</sup> dan Abu Hayyan al-Andalusi.<sup>10</sup> Sabda Nabi SAW:

لَعَنَ اللَّهُ الْوَاصِلَةَ وَالْمُسْتَوْصِلَةَ الْوَاشِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ وَالتَّامِصَاتِ  
وَالْمُتَمِّصَاتِ وَالْمُتَفَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُغَيَّرَاتِ خَلَقَ اللَّهُ

Terjemahan: Allah SWT melaknat wanita yang menyambung rambut dan wanita yang meminta disambung rambut, wanita yang mencukur bulu kening dan wanita yang meminta dicukur bulu kening, wanita yang mencacah tatu dan wanita yang meminta dicacah tatu, dan wanita yang menjarakkan gigi dengan tujuan kecantikan, dan mengubah ciptaan Allah SWT.<sup>11</sup>

Walaupun hadith ini dinyatakan oleh *mufassirin*, namun mereka tidak menghuraikan hadith ini secara mendalam. Justeru, artikel ini akan membincangkan konsep *taghyir khalqillah* berdasarkan hadith ini. Data dikumpul dengan merujuk kepada huraian *muhaddithin* terhadap hadith ini.

---

<sup>6</sup> Al-Tabari, Abu Ja‘far Muhammad bin Jarir, Jami‘ al-Bayan ‘an Ta‘wil Ayi al-Qur’an (Tafsir al-Tabari), ed. Mahmud Muhammad Shakir dan Ahmad Muhammad Shakir (Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah, t.t.), 9:215-223.

<sup>7</sup> Al-Qurtubi, Abu ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr, Al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an (Tafsir al-Qurtubi), ed. ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turki dan Muhammad Ridwan ‘Araqsusi (Beirut: Mu‘assasah al-Risalah, 2006), 7:135-148.

<sup>8</sup> Abu Muhammad ‘Abd al-Haq bin Ghalib al-Andalusi, Al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-‘Aziz, ed. ‘Abd al-Salam ‘Abd al-Shafi Muhammad (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 2:114-115.

<sup>9</sup> Abu al-Fida’ Isma‘il bin ‘Umar bin Kathir al-Qurashi, Tafsir al-Qur’an al-‘Azim, ed. Sami bin Muhammad al-Salamah (Riyad: Dar Tibah, 1999), 2:415-416.

<sup>10</sup> Muhammad bin Yusuf, Tafsir al-Bahr al-Muhit, ed. ‘Adil Ahmad ‘Abd al-Mawjud dan ‘Ali Muhammad Mu‘awwad (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993), 3:368-370.

<sup>11</sup> Hadith diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Kitab al-Libas, Bab al-Mutallijat li al-Husn, Bab Wasl al-Shi‘r, Bab al-Mutanammisat, Bab al-Mawsulah, Bab al-Washimah dan Bab al-Mustawshimah; dan Muslim dalam Kitab al-Libas wa al-Zinah, Bab Tahrim Fi‘l al-Wasilah wa al-Mustawsilah, wa al-Washimah wa al-Mustawshimah, wa al-Namisah wa al-Mutanammisah, wa al-Mutafallijat, wa al-Mughayyirat Khalqillah.

Lihat: Al-Bukhari, Muhammad bin Isma‘il bin Ibrahim al-Jaf‘i, Sahih al-Bukhari, ed. Muhammad Zuhair Nasir al-Nasir (Beirut: Dar Tawq al-Najah, 2001), 7:164-167; al-Naisaburi, Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi, Sahih Muslim, ed. Muhammad Fu‘ad ‘Abd al-Baqi (Kaherah: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabi dan ‘Isa al-Babi al-Halabi, 1954), 3:1676-1680.

Data akan dianalisis dan satu rajah berkaitan konsep *taghyir khalqillah* menurut perspektif *muhaddithin* akan dibentuk.

### **Hadith-hadith Berkaitan *al-Wasl, al-Washm, al-Nams* dan *al-Tafalluj***

Terdapat beberapa hadith berkaitan *al-wasl, al-washm, al-nams* dan *al-tafalluj* selain dari hadith yang diriwayatkan dari ‘Abd Allah bin Mas‘ud. Antara sahabat lain yang meriwayatkan hadith ini dari Nabi SAW adalah Abu Hurairah RA, ‘Abd Allah bin ‘Abbas RA, ‘Abd Allah bin ‘Umar RA, Jabir bin ‘Abd Allah RA, Mu‘awiyah bin Abu Sufyan RA, Ma‘qil bin Yasar RA, ‘Aishah binti Abu Bakr RA dan Asma’ binti Abu Bakr RA. Berikut adalah teks hadith tersebut:

#### **Hadith Abu Hurayrah**

لَعَنَ اللَّهُ الْوَاصِلَةَ وَالْمُسْتَوْصِلَةَ ، وَالْوَأَشِمَةَ وَالْمُسْتَوْشِمَةَ

Terjemahan: “Allah SWT melaknat perempuan yang menyambung rambut, perempuan yang meminta disambung rambut, perempuan yang mencacah tatu dan perempuan yang meminta dicacah tatu.”

#### **Hadith ‘Abd Allah bin ‘Abbas**

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعَنَ الْوَاصِلَةَ وَالْمَوْصُولَةَ وَالْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Terjemahan: “Rasulullah SAW melaknat perempuan yang menyambung rambut, perempuan meminta disambung rambut, lelaki yang menyerupai wanita dan perempuan yang menyerupai lelaki.”

#### **Hadith ‘Abd Allah bin ‘Umar**

لَعَنَ اللَّهُ الْوَاصِلَةَ وَالْمُسْتَوْصِلَةَ وَالْوَأَشِمَةَ وَالْمُسْتَوْشِمَةَ

Terjemahan: “Allah SWT melaknat perempuan yang menyambung rambut, perempuan yang meminta disambung rambut, perempuan yang mencacah tatu dan perempuan yang meminta dicacah tatu.”

#### **Hadith Jabir bin ‘Abd Allah**

أَنَّ أَبَا زُبَيْرٍ سَمِعَ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُ: زَجَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَصِلَ الْمَرْأَةُ بِرَأْسِهَا شَيْئًا

Terjemahan: Abu Zubair mendengar Jabir bin ‘Abd Allah berkata: “Rasulullah SAW mengancam perempuan yang menyambung rambut dengan apa jua bahan.”

### Hadith Mu'awiyah bin Abu Sufyan

أَنَّ مُعَاوِيَةَ قَالَ ذَاتَ يَوْمٍ: إِنَّكُمْ قَدْ أَحَدْتُمْ زِيَّ سَوْءٍ وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الزُّورِ. قَالَ: وَجَاءَ رَجُلٌ بَعْصًا عَلَى رَأْسِهَا خِرْقَةٌ. قَالَ مُعَاوِيَةُ: أَلَا وَهَذَا الزُّورُ. قَالَ قَتَادَةُ: يَعْنِي مَا يُكْتَبَرُ بِهِ النِّسَاءُ أَشْعَارَهُنَّ مِنَ الْخِرَقِ

Terjemahan: Pada suatu hari, Mu'awiyah berkata: "Sesungguhnya kamu telah mereka 'pakaian buruk', sedangkan Nabi SAW melarang dari penipuan. Lalu, seorang lelaki telah datang membawa rambut palsu yang diletakkan di hujung tongkat. Mu'awiyah memberitahu: "Inilah penipuan." Qatadah menghuraikan: "Maksud 'penipuan' adalah rambut palsu yang dipakai oleh para wanita untuk menunjukkan rambut mereka banyak."

### Hadith Ma'qil bin Yasar

أَنَّ رَجُلًا مِنَ الْأَنْصَارِ تَزَوَّجَ امْرَأَةً فَسَقَطَ شَعْرُهَا فَسَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْوَصَالِ، فَلَعَنَ الْوَأَصِلَةَ وَالْمَوْصُولَةَ

Terjemahan: Seorang lelaki Ansar akan mengahwini seorang wanita yang mengalami keguguran rambut. Lelaki tersebut bertanya kepada Nabi SAW mengenai huku menyambung rambut tetapi Rasulullah SAW melarangnya.

### Hadith 'A'ishah binti Abu Bakr

إِنَّ امْرَأَةً أَتَتْهَا فَقَالَتْ: إِنَّ ابْنَتِي عَرُوسٌ مَرَضَتْ فَتَمَرَّقَ شَعْرُهَا أَفَأَصِلُ فِيهِ فَقَالَتْ: لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْوَأَصِلَةَ وَالْمُسْتَوَصِلَةَ، أَوْ قَالَتْ: الْوَأَصِلَةَ

Terjemahan: Seorang wanita bertemu dengan 'Aishah dan bertanya: "Anak perempuanku akan berkahwin tetapi mengalami keguguran rambut, adakah dibenarkan untuk aku menyambung rambutnya?" Jawab 'Aishah: "Rasulullah SAW melaknat perempuan yang menyambung rambut dan perempuan yang meminta disambung rambut", atau dia berkata: "Perempuan yang menyambung rambut" (sahaja)."

### Hadith Asma' binti Abu Bakr

جَاءَتْ امْرَأَةٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ لِي ابْنَةً عَرِيْسًا أَصَابَتْهَا حَصْبَةٌ، فَتَمَرَّقَ شَعْرُهَا، أَفَأَصِلُهُ؟ فَقَالَ: لَعَنَ اللَّهُ الْوَأَصِلَةَ وَالْمُسْتَوَصِلَةَ


Terjemahan: Seorang wanita bertemu dengan Nabi SAW dan bertanya: "Wahai Rasulullah, anak perempuanku akan berkahwin tetapi dia mengalami keguguran rambut, adakah aku dibenarkan

menyambung rambutnya?.” Jawab Nabi SAW: “Allah SWT melaknat perempuan yang menyambung rambut dan perempuan yang meminta disambung rambut.”

### Definisi *Taghyir Khalqillah*

*Taghyir* (تَغْيِير) adalah perkataan Bahasa Arab yang merupakan kata terbitan dari kata kerja (عَيَّرَ - يُعَيِّرُ). Terdapat tiga lagi perkataan dalam Bahasa Arab yang seerti dengan perkataan ini iaitu *tahwil* (تَحْوِيل) yang merupakan kata terbitan dari kata kerja (حَوَّلَ - يُحَوِّلُ), *tabdil* (تَبْدِيل) yang merupakan kata terbitan dari kata kerja (بَدَّلَ - يُبَدِّلُ) dan *naql* (نَقْل) yang merupakan kata terbitan dari kata kerja (نَقَلَ - يَنْقُلُ). Jika dilihat pada definisi bahasa keempat-empat perkataan ini, ia membawa kepada definisi yang hampir sama. Setiap perkataan digunakan untuk menjelaskan maksud antara mereka. Berdasarkan definisi empat perkataan ini dalam beberapa kamus utama Bahasa Arab,<sup>12</sup> pengkaji merumuskan kensep bahasa *taghyir*, *tahwil*, *tabdil* dan *naql* dalam bentuk rajah 1.

Rajah 1: Susunan Kata Kunci dan Perkataan



<sup>12</sup> Al-Mu‘jam al-‘Arabiyyah al-Asasi, cetakan pertama (Tunisia: al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-‘Uloom, 1989), 138, entri ب د ل, 365-366, entri ح و ل, 908, entri , dan غ ي ر, dan 1227, entri ن ق ل; Mahmud ‘Abd al-Rahman ‘Abd al-Mun‘im, Mu‘jam al-Mustalahat wa al-Alfaz al-Fiqhiyyah (Kaherah: Dar al-Fadilah, 1999), 1:478; Raghīb al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husain bin Muhammad al-Mufradat fi Gharib al-Qur’an, ed. Safwan ‘Adnan al-Dawudi (Damshik dan Beirut: Dar al-Qalam dan Dar al-Shamiyyah, 1991), 619; dan al-Andalusi, Al-Muharrar al-Wajiz, 2:114-115.

Berdasarkan Rajah 1, terdapat beberapa kata kunci yang bertindih dan tidak bertindih. Kata kunci yang bertindih memberi maksud ia boleh digunakan untuk menggambarkan kedua-dua perkataan manakala kata kunci yang tidak bertindih memberi maksud ia hanya menggambarkan perkataan tersebut sahaja. Antara kata kunci yang bertindih adalah ‘tukar’ dan ‘perkataan’ yang bertindih antara *taghyir*, *tabdil* dan *tahwil*; dan ‘tempat’ yang bertindih antara *tahwil* dan *naql*. Kata kunci yang tidak bertindih pula adalah ‘bentuk’, ‘keadaan’, ‘tanam’, ‘salin’ dan ‘terjemah’. Namun, terdapat satu persamaan antara empat perkataan tersebut iaitu satu proses pengubahan atau pemindahan dari ‘asal’ ke ‘baru’, tidak kira pengubahan bentuk, tempat, benda, keadaan, bahasa dan perkataan.

Maksud *khalq* pula adalah ciptaan. Maka, ia merangkumi apa-apa sahaja selain dari zat Allah SWT kerana hanya Allah SWT sahaja yang mempunyai kuasa mencipta sesuatu dari tiada kepada ada. Walaupun manusia mempunyai kemampuan mencipta, namun ia bukan mencipta dari tiada kepada ada, sebaliknya mencipta sesuatu yang ada kepada benda baru sahaja. Oleh itu, maksud *taghyir khalqillah* secara adalah apa jua perbuatan yang boleh mengubah ciptaan Allah SWT secara mutlak, sama ada pengubahan fizikal atau sebaliknya<sup>13</sup>.

#### ***Al-Wasl, al-Washm, al-Nams dan al-Tafalluj***

Perbincangan ulama’ klasik mengenai *taghyir khalqillah* pasti mempunyai perkaitan dengan hadith *al-Wasl, al-Washm, al-Nams* dan *al-Tafalluj*. Hal ini kerana terdapat ‘illah larangan perbuatan tersebut dalam hadith, iaitu *taghyir khalqillah*. Menurut hadith ini, keempat-empat perbuatan ini dilarang kerana mengubah ciptaan Allah SWT. Namun, berdasarkan penelitian pengkaji dalam huraian *muhaddithin* terhadap hadith ini, terdapat beberapa lagi ‘illah larangan yang disebutkan oleh mereka. Justeru, semua ‘illah ini akan disusun bagi membentuk rajah konsep *taghyir khalqillah* menurut *muhaddithin*.

#### **Definisi *al-Wasl, al-Washm, al-Nams dan al-Tafalluj***

Abu Dawud merupakan *muhaddith* terawal yang memberikan maksud perbuatan tersebut. Namun, definisi beliau terhad kepada tiga perbuatan sahaja iaitu *al-wasilah, al-washimah* dan *al-namisah*. Definisi *al-mutafallijat* tidak disebutkan oleh beliau. Berikut adalah definisi yang diberikan oleh Abu Dawud:

---

<sup>13</sup> Mohammad Naqib bin Hamdan dan Mohd Anuar Ramli, Konsep Mengubah Ciptaan Allah SWT: Analisis Hukum Pengkulturan Daging, dalam Jurnal INFAD (2015), vol.5, 81-105.



الواصلة: التي تصل الشعر بشعر النساء

*Al-Wasilah*: Wanita yang menyambung rambut dengan rambut wanita lain.<sup>14</sup>

النامصة: التي تنقش الحاجب حتى تُرْفَهُ

*Al-Namisah*: Wanita yang menipiskan bulu kening.<sup>15</sup>

الواشمة: التي تجعل الخيَّان في وجهها بكحل أو مداد

*Al-Washimah*: Wanita yang membuat gambaran (tatu) di muka dengan celak atau dakwat.<sup>16</sup>

Selain Abu Dawud, al-Khattabi turut memberikan definisi bagi tiga perbuatan di atas, termasuk juga definisi *al-tafalluj*. Namun definisi beliau sedikit berbeza dengan definisi yang diberikan oleh Abu Dawud.

Menurut beliau, *al-wasilah* adalah wanita yang menyambung rambut dengan rambut wanita lain supaya rambutnya kelihatan panjang dan menyebabkan orang lain menyangka rambut *al-wasl* tersebut adalah rambut asal. Ia dilakukan oleh wanita yang rambut nipis atau wanita berambut perang yang menyambung rambutnya dengan rambut hitam.<sup>17</sup>

Bagi definisi *al-nams* pula, al-Khattabi meluaskan skop larangan *al-nams* pada bahagian atas muka, termasuk dahi. Jadi, beliau tidak menghadkan larangan *al-nams* pada bulu kening sahaja.<sup>18</sup> Menurut al-Khattabi lagi, maksud *al-mutafallijat* adalah wanita yang menajam dan menjarakkan gigi.<sup>19</sup>

Berdasarkan penelitian pengkaji, definisi yang dikemukakan oleh Abu Dawud dan al-Khattabi ini turut digunakan oleh beberapa *muhaddithin* lain dengan

---

<sup>14</sup> Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash'ath al-Sijistani al-Azdi, Sunan Abi Dawud, dicetak bersama al-Khattabi, Ma'alim al-Sunan, ed. 'Izzat 'Ubaid al-Da'as dan 'Adil al-Sayyid (Beirut: Dar Ibn Hazm, 1997), 4:256

<sup>15</sup> Ibid.,

<sup>16</sup> Ibid.,

<sup>17</sup> Ibid.,

<sup>18</sup> Ibid.,

<sup>19</sup> Ibid, 4:257.

sedikit ubahsuai seperti al-Baghawi<sup>20</sup>, Ibn al-‘Arabi<sup>21</sup>, al-Qurtubi<sup>22</sup>, al-Nawawi<sup>23</sup>, al-Kirmani<sup>24</sup>, al-‘Asqalani<sup>25</sup>, al-‘Aini<sup>26</sup> dan al-Sindi<sup>27</sup>.

**Hukum dan ‘Illah Larangan *al-Wasl, al-Washm, al-Nams* dan *al-Tafalluj***  
Perbincangan hukum dan ‘illah larangan *al-Wasl, al-Washm, al-Nams* dan *al-Tafalluj* akan dirujuk menerusi komentar *muhaddithin* terhadap hadith ini. Pengkaji hanya memfokuskan perbincangan kepada komentar *muhaddithin* sahaja.

### ***Al-Wasl***

Ummu ‘Atiyyah berpendapat hadith ini melarang apa sahaja perbuatan menyambung rambut berdasarkan ‘*umum* hadith ini. Pandangan ini turut disandarkan kepada al-Tabari oleh Ibn Battal<sup>28</sup> dan *jumhur* oleh al-‘Asqalani,<sup>29</sup> namun ‘illah larangan *jumhur* dan al-Tabari berbeza. Al-Nawawi juga mentarjihkan pandangan ini ketika beliau menghuraikan hadith ini.<sup>30</sup> Menurut

---

<sup>20</sup> Al-Baghawi, al-Husain bin Mas‘ud, Sharh al-Sunnah, ed. Shu‘aib al-Arna‘ut (Beirut: al-Maktab al-Islami, 1983), 12:105.

<sup>21</sup> Ibn al-‘Arabi, Muhammad bin ‘Abd Allah bin Muhammad al-Ma‘afiri, ‘Aridah al-Ahwadhi Sharh Sahih al-Tirmidhi (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 7:262-263.

<sup>22</sup> Al-Qurtubi, Ahmad bin ‘Umar bin Ibrahim, al-Mufhim li-ma Ashkal min Talkhis Kitab Muslim, eds. al-Sayyid dan Bazzal, Ahmad Muhammad dan Mahmud Ibrahim (Damshik: Dar Ibn Kathir dan Dar al-Kalim al-Tayyib, 1996), 5:444-447.

<sup>23</sup> Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf bin Murri, al-Minhaj fi Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj (Sharh al-Nawawi ‘ala Muslim), eds. (Amman dan Riyad: Beit al-Afkar al-Duwaliyyah, 2000), 1338-1341.

<sup>24</sup> Al-Kirmani, Muhammad bin Yusuf bin bin ‘Ali bin Sa‘id, al-Kawakib al-Darari (Sahih al-Bukhari bi Sharh al-Karmani), (Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 1981), 21:126-133.

<sup>25</sup> Al-‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar, Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi ‘Abdillah Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari, ed. ‘Abd al-Qadir Shaibah al-Hamd (Riyad: Amir Sultan bin ‘Abd al-‘Aziz Ali Su‘ud, 2001), 10:384-393.

<sup>26</sup> Al-‘Aini, Muhammad Mahmud bin Ahmad, ‘Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari, ed. ‘Abd Allah Mahmud Muhammad ‘Umar (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 22:97-107.

<sup>27</sup> Al-Sindi, Nur al-Din Muhammad bin ‘Abd al-Hadi, Hashiyah Musnad al-Imam Ahmad, ed. Nur al-Din Talib (Qatar: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Qatar, 2008), 6:47; dan al-Nasa’i, Sunan al-Nasa’i, dicetak bersama al-Suyuti, Sharh al-Suyuti dan al-Sindi, Hashiyah al-Sindi, eds. Maktab Tahqiq al-Turath al-Islami (Beirut: Dar al-Ma‘rifah, t.t.), 7:521.

<sup>28</sup> Ibn Battal, Sharh Sahih al-Bukhari, 9:167-168, 172.

<sup>29</sup> Al-‘Asqalani, Fath al-Bari, 10:389

<sup>30</sup> Al-Nawawi, al-Minhaj, 1338; dan Al-Harari, Muhammad al-Amin bin ‘Abd Allah al-Urmi al-‘Alawi, al-Kawkab al-Wahhaj wa al-Rawd al-Bahhaj fi Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj, ed. Mahdi, Hashim Muhammad ‘Ali (Jeddah dan Beirut: Dar al-Minhaj dan Dar Tawq al-Najah, 2009), 21:494.

al-Tabari, ‘illah larangan *al-wasl*, *al-washm*, *al-nams* dan *al-tafalluj* adalah mengubah ciptaan Allah SWT (*taghyir khalqillah*) dan untuk menambah kecantikan.

Pandangan kedua pula mengatakan wanita dibenarkan menyambung rambut dengan rambut palsu dari bulu haiwan. Hujah yang digunakan adalah hadith Mu‘awiyah RA. Beliau telah menunjukkan rambut palsu ketika menyampai khutbah di Madinah. Mereka juga mentaqyid hadith Jabir dengan hadith Mu‘awiyah. Pandangan ini diriwayatkan dari ‘Aishah RA (w.58H), Ummu Salamah RA (w.61H), Ibn ‘Abbas RA (w.68H), Sa‘id bin Jubair (w.95H), al-Laith bin Sa‘d (w.175H), dan Ahmad (w.241H).<sup>31</sup>

Al-Qadi ‘Iyad turut memilih pandangan ini selepas beliau menyenaraikan pandangan ulama’ berkaitan *al-wasl*.<sup>32</sup> Jadi, mereka berpandangan ‘illah larangan Nabi SAW dilihat pada jenis bahan yang digunakan seperti yang disebutkan oleh Abu Dawud selepas beliau menukilkan pandangan Sa‘id bin Jubair. Jika bahan tersebut diambil dari rambut manusia, perbuatan *al-wasl* dilarang sebaliknya jika rambut palsu yang digunakan, *al-wasl* dibenarkan.<sup>33</sup>

Al-Khattabi (w.388H) juga membenarkan wanita memakai rambut palsu, namun beliau memandang dari sudut yang berbeza. Menurut beliau, ‘illah larangan *al-wasl* adalah penipuan, mengubah ciptaan Allah SWT (*taghyir khalqillah*) dan membawa kerosakan. Justeru, menggunakan rambut palsu tidak termasuk dalam ketiga-tiga ‘illah tersebut.<sup>34</sup>

Pandangan ketiga pula mengatakan hadith tersebut menunjukkan Nabi SAW melarang ‘perbuatan menyambung rambut’ itu sendiri tanpa melihat kepada sumber rambut atau bulu yang digunakan. Jika wanita meletakkan rambut palsu di atas kepala tanpa sebarang ikatan atau sambungan pada rambut asal, ia dibenarkan. Pandangan ini diriwayatkan dari Ibrahim al-Nakha‘i (w.96H).<sup>35</sup> Namun, al-‘Asqalani telah mengkritik pandangan ini dan berpendapat ia perlu dikaji semula.<sup>36</sup>

---

<sup>31</sup> Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, 4:258; Ibn Battal, Sharh Sahih al-Bukhari, 9:172; al-Qadi ‘Iyad, Ikmal al-Mu‘lim, 6:652; al-Nawawi, al-Minhaj, 1338; al-‘Aini, ‘Umdah al-Qari, 22:100.

<sup>32</sup> Al-Qadi ‘Iyad, Ikmal al-Mu‘lim, 6:652.

<sup>33</sup> Abadi, Muhammad Ashraf bin Amir bin ‘Ali bin Haidar, ‘Awn al-Ma‘bud Sharh Sunan Abi Dawud; ed. al-Albani dan al-Athari, Muhammad Nasir al-Din dan Abu ‘Abd Allah al-Nu‘mani (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2005), 1:1899.

<sup>34</sup> Al-Khattabi, Hamd bin Muhammad, A‘lam al-Hadith, ed. Muhammad bin Sa‘id Ali Su‘ud (Mekah: Universiti Ummul Qura, 1988), 3:2161-2164; dan Al-Khattabi, Ma‘alim al-Sunan, 4:256.

<sup>35</sup> Ibn Battal, Sharh Sahih al-Bukhari, 9:172-173; al-‘Aini, ‘Umdah al-Qari, 22:100; al-Ubbi dan al-Sanusi, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Khalfah al-Wishtani, Ikmal al-Mu‘lim, dicetak bersama al-Sanusi, Muhammad bin Muhammad bin Yusuf al-Husaini, Mukammil Ikmal al-Ikmal (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 5:406.

<sup>36</sup> Al-‘Asqalani, Fath al-Bari, 10:390.

Pandangan seterusnya pula dinukilkan oleh al-‘Asqalani tanpa sandaran kepada mana-mana ulama’. Menurut mereka, larangan menyambung rambut dalam hadith tersebut tidak membawa maksud *haram*, sebaliknya sekadar *makruh tanzih*. Namun beliau mengkritik pandangan ini kerana laknat oleh Allah SWT dan Nabi SAW merupakan bentuk *dilalah* yang paling kuat bagi menunjukkan sesuatu perbuatan diharamkan, malah laknat merupakan tanda perbuatan tersebut dikategorikan sebagai dosa besar.<sup>37</sup>

Pandangan kelima pula berpendapat menyambung rambut dengan rambut palsu dibenarkan jika tidak menyebabkan orang lain tertipu atau terpedaya. Namun, jika mereka menyangka rambut palsu tersebut adalah rambut sebenar, pemakaian rambut palsu tersebut tetap dilarang. Ini kerana, ‘illah larangan *al-wasl* adalah penipuan. Pandangan ini dinukilkan oleh al-‘Asqalani tanpa disandarkan kepada mana-mana ulama’. Namun, beliau seolah-olah bersetuju dengan pandangan ini kerana mengakui kekuatan hujah yang digunakan oleh pandangan ini.<sup>38</sup>

Pandangan terakhir pula diriwayatkan dari ‘Aishah RA menerusi kisah yang diriwayatkan oleh al-Tabari. ‘Ata’ (w.114H) juga seolah-olah mengambil pendapat ini kerana beliau mengharuskan mengambil manfaat dari rambut manusia justeru Ibn Battal menyenaraikan pandangan ‘Ata’ ini selepas pandangan ‘Aishah RA. Pandangan ini berdasarkan jawapan ‘Aishah RA terhadap soalan yang diajukan oleh Ibn Awsha’. Al-Tabari, Ibn Battal dan al-‘Asqalani telah mengkritik kata-kata ini kerana mereka menganggap sandaran yang dibuat kepada ‘Aishah RA tidak tepat. Menurut mereka, Ibn Awsha’ tidak pernah bertemu dan meriwayatkan hadith dari ‘Aishah RA.<sup>39</sup>

### ***Al-Washm***

Majoriti ulama’ bersepakat *al-washm* adalah haram berdasarkan hadith ini, namun Ibn al-‘Arabi berpendapat larangan *al-washm* adalah *ijma*.<sup>40</sup> Para ulama’ berbeza pendapat mengenai ‘illah larangan *al-washm*. Perbuatan ini dilarang kerana mengubah ciptaan Allah SWT (*taghyir khalqillah*)<sup>41</sup>, namun al-Khattabi menambah dua lagi ‘illah larangan *al-washm* iaitu ia menyebabkan penipuan dan membawa kerosakan.<sup>42</sup> Al-Sindi pula bersetuju dengan ‘illah mengubah ciptaan Allah SWT tersebut, tetapi beliau mengikat ‘illah tersebut dengan perbuatan melampau, manakala perbuatan yang tidak melampau dibenarkan seperti *al-washm* yang menggunakan inai.<sup>43</sup>

---

<sup>37</sup> Ibid.,

<sup>38</sup> Ibid., 10:388; dan al-Harari, al-Kawkab al-Wahhaj, 21:494.

<sup>39</sup> Ibn Battal, Sharh Sahih al-Bukhari, 9:173; dan al-‘Asqalani, Fath al-Bari, 10:390.

<sup>40</sup> Ibn al-‘Arabi, ‘Aridah al-Ahwadhi, 7:262.

<sup>41</sup> Al-‘Asqalani, Fath al-Bari, 10:385; al-Ubbi dan al-Sanusi, Ikmal al-Ikmal dan Mukammil al-Ikmal, 5:407.

<sup>42</sup> Al-Khattabi, A‘lam al-Hadith, 3:2161-2164.

<sup>43</sup> Al-Sindi, Hashiyah al-Sindi, 7:522.

### ***Al-Nams***

Majoriti *muhaddithin* berpendapat *al-nams* adalah haram, namun mereka berbeza pendapat dalam menentukan sempadan larangan tersebut, sama ada larangan mencukur bulu di bahagian atas muka atau bulu kening sahaja. Hal ini disebabkan perbezaan pendapat dalam menentukan definisi *al-nams* itu sendiri. Menurut al-Khattabi, terdapat tiga ‘illah larangan *al-nams* iaitu penipuan (*al-ghishh wa al-khida*),<sup>44</sup> mengubah ciptaan Allah SWT<sup>45</sup> dan membawa kepada kerosakan. Bagi al-‘Aini pula, ‘illah larangan *al-nams* adalah melampau (*al-takalluf*) dengan mencukur semua bulu di muka.<sup>46</sup> Seolah-olah, beliau membenarkan mencukur bulu kening sahaja kerana ia tidak termasuk dalam perbuatan *al-takalluf*.

### ***Al-Tafalluj***

*Al-Tafalluj* biasanya dilakukan oleh wanita tua yang mahu kelihatan muda pada pandangan orang lain. Hal ini kerana, gigi kanak-kanak mempunyai renggang antara satu sama lain dan gigi tersebut akan membesar dan menutupi ruang antara gigi tersebut. Maka, tindakan wanita tua yang menjarakkan gigi akan menjadikan dirinya kelihatan lebih muda melalui gigi tersebut.<sup>47</sup> Majoriti *muhaddithin* melarang wanita melakukan *al-tafalluj* melainkan dengan tujuan rawatan. Hal ini berdasarkan hadith Nabi SAW tersebut yang mengikat *al-tafalluj* dengan tujuan kecantikan. Pengecualian ini disebutkan oleh al-Nawawi dan kata-kata beliau ini menjadi rujukan majoriti *muhaddithin* ketika menghuraikan hadith ini.<sup>48</sup> Kata beliau:

“المتملجات للحسن) membawa maksud wanita yang melakukan *al-tafalluj* dengan tujuan kecantikan. Hadith ini menunjukkan pengharaman *al-tafalluj* terikat dengan tujuan ‘kecantikan’. Jika dia melakukan *al-tafalluj* disebabkan kecacatan pada gigi, ia dibenarkan. *Wallahu’alam.*”<sup>49</sup>

Namun mereka berselisih pandangan dalam menentukan ‘illah disebalik larangan tersebut. Menurut al-Nawawi, terdapat dua ‘illah larangan *al-tafalluj* iaitu penipuan (*al-ghishh wa al-khida*), mengubah ciptaan Allah SWT (*taghyir*

---

<sup>44</sup> Al-Qurtubi turut menyebutkan ‘illah ini.

Lihat: al-Qurtubi, al-Mufhim, 5:444.

<sup>45</sup> Al-‘Asqalani dan al-Qurtubi turut bersetuju dengan ‘illah ini.

Lihat: Ibid., al-‘Asqalani, Fath al-Bari, 10:385.

<sup>46</sup> Al-‘Aini, ‘Umdah al-Qari, 22:103.

<sup>47</sup> Al-Nawawi, al-Minhaj, 1340.

<sup>48</sup> Al-‘Asqalani, Fath al-Bari, 10:385.

<sup>49</sup> Al-Nawawi, al-Minhaj, 1340.

*khalqillah*) namun al-Khattabi, menambah satu lagi ‘illah iaitu membawa *mafsadah*, namun beliau tidak memperincikan *mafsadah* tersebut.<sup>50</sup> Bagi al-‘Aini dan al-Sindi pula, mereka melihat ‘illah larangan menerusi *wazan* pada perkataan *al-mutafallijat* tersebut. Menurut mereka, perkataan *al-mutafallijat* dibina atas *wazan* (التَفْعُل) yang biasanya merujuk kepada maksud berlebihan (التَّكْلُفُ وَالْمُبَالَغَةُ).<sup>51</sup> Maka, menjarakkan gigi dilarang jika ia dilakukan dengan melampau atau berlebihan, lebih dari kadar yang sepatutnya jika dia terpaksa melakukan *al-tafalluj* tersebut. Al-‘Aini menambah, *al-tafalluj* turut dilarang kerana mengubah ciptaan Allah SWT.

**Analisis ‘illah Larangan *al-Wasl*, *al-Washm*, *al-Nams* dan *al-Tafalluj***  
**Jadual 1: Senarai ‘illah Larangan Perbuatan *Taghyir Khalqillah* Menurut *Muhaddithin***

| Tokoh                      | <i>Al-Wasl</i> (الوصل)     |            |          |  |                         | <i>Al-Washm</i> (الوشم)       |                            |          | <i>Al-Nams</i> (النمص)  |                      |                            | <i>Al-Tafalluj</i> (التفالج) |                         |   |                            | Jumlah |          |                         |   |            |
|----------------------------|----------------------------|------------|----------|--|-------------------------|-------------------------------|----------------------------|----------|-------------------------|----------------------|----------------------------|------------------------------|-------------------------|---|----------------------------|--------|----------|-------------------------|---|------------|
|                            | Mengubah ciptaan Allah SWT | Kecantikan | Penipuan | Melihat kepada bahan (rambut manusia tidak dibenarkan) | Membara kepada mafsadah | Perbuatan ‘menyambung’ rambut | Mengubah ciptaan Allah SWT | Penipuan | Membara kepada mafsadah | Kesan kekal dilarang | Mengubah ciptaan Allah SWT | Penipuan                     | Membara kepada mafsadah | Berlebih-lebihan ( <i>al-takalluf</i> ) | Mengubah ciptaan Allah SWT |        | Penipuan | Membara kepada mafsadah | Berlebih-lebihan ( <i>al-takalluf</i> ) | Kecantikan |
| ‘Aishah RA (w.58H)         |                            |            |          | √  |                         |                               |                            |          |                         |                      |                            |                              |                         |   |                            |        |          |                         |   | 1          |
| Mu‘awiyah RA (w.60H)       |                            |            | √        |  |                         |                               |                            |          |                         |                      |                            |                              |                         |   |                            |        |          |                         |   | 1          |
| Ummu Salamah RA (w.61H)    |                            |            |          | √  |                         |                               |                            |          |                         |                      |                            |                              |                         |   |                            |        |          |                         |   | 1          |
| Ibn ‘Abbas RA (w.68H)      |                            |            |          | √  |                         |                               |                            |          |                         |                      |                            |                              |                         |   |                            |        |          |                         |   | 1          |
| Sa‘id bin Jubair (w.95H)   |                            |            |          | √  |                         |                               |                            |          |                         |                      |                            |                              |                         |   |                            |        |          |                         |   | 1          |
| Ibrahim al-Nakha‘i (w.96H) |                            |            |          |  |                         | √                             |                            |          |                         |                      |                            |                              |                         |   |                            |        |          |                         |   | 1          |
| al-Laith bin Sa‘d (w.175H) |                            |            |          | √  |                         |                               |                            |          |                         |                      |                            |                              |                         |   |                            |        |          |                         |   | 1          |
| Malik (w.179H)             |                            |            | √        |  |                         |                               |                            |          |                         |                      |                            |                              |                         |   |                            |        |          |                         |   | 1          |
| Ahmad (w.241H)             |                            |            |          | √  |                         |                               |                            |          |                         |                      |                            |                              |                         |   |                            |        |          |                         |   | 1          |
| Al-Tabari (w.310H)         | √                          | √          |          |  |                         |                               |                            |          |                         | √                    | √                          | √                            |                         | √                                       | √                          | √      |          |                         |   | 2          |
| Al-Khattabi (w.388H)       | √                          |            | √        |  | √                       |                               | √                          | √        | √                       |                      | √                          | √                            |                         | √                                       | √                          | √      |          |                         |   | 12         |
| Al-Qadi ‘Iyad (w.544H)     |                            |            |          | √  |                         |                               |                            |          | √                       |                      |                            |                              |                         |   |                            |        |          |                         |   | 2          |
| Al-Qurtubi (w.578H)        |                            |            |          |  |                         |                               |                            |          | √                       |                      |                            |                              |                         |   |                            |        |          |                         |   | 1          |
| Al-Nawawi (w.676H)         |                            |            |          |  |                         |                               |                            |          |                         |                      |                            |                              |                         | √                                       | √                          |        |          | √                       |   | 3          |
| Al-‘Aini (w.855H)          |                            |            |          |  |                         |                               |                            |          |                         |                      |                            |                              | √                       | √                                       |                            |        | √        |                         |   | 3          |
| Al-Sindi (1138H)           |                            |            |          |  |                         |                               | √                          |          |                         |                      |                            |                              |                         |   |                            |        | √        |                         |   | 2          |
| Jumlah                     | 2                          | 1          | 3        | 7  | 1                       | 3                             | 2                          | 1        | 1                       | 2                    | 1                          | 1                            | 1                       | 1                                       | 3                          | 2      | 1        | 2                       | 1                                       |            |

Sumber: Analisis Pengkaji

Jadual 1 menunjukkan ‘illah larangan bagi keempat-empat perbuatan *al-wasl*, *al-washm*, *al-nams* dan *al-tafalluj*. *Al-Wasl* merupakan perbuatan yang paling banyak ‘illah larangan yang dikemukakan oleh ulama dengan enam ‘illah, diikuti oleh *al-Tafalluj* dengan lima ‘illah. *Al-Washm* dan *al-Nams* pula mempunyai bilangan ‘illah yang sama iaitu empat ‘illah.

Berdasarkan Jadual 1 juga, majoriti tokoh mengemukakan pandangan mengenai ‘illah larangan *al-wasl* dengan 12 tokoh. Mereka adalah ‘Aishah RA, Mu‘awiyah RA, Ummu Salamah RA, Ibn ‘Abbas RA, Sa‘id bin Jubair

<sup>50</sup> Al-Nawawi, al-Minhaj, 1339-1340; al-Khattabi, A‘lam al-Hadith, 3:2161-2164.

<sup>51</sup> Al-Hamlawi, Ahmad bin Muhammad bin Ahmad, Shadha al-‘Arf fi Fann al-Sarf, ed. Muhammad bin ‘Abd al-Mu‘ti dan Ahmad bin Salim al-Misri (Kaherah: Dar al-Kayan, t.t.), 82.

RA, Ibrahim al-Nakh'i, al-Laith bin Sa'd, Malik, Ahmad, al-Tabari, al-Khattabi dan al-Qadi 'Iyad. Ini diikuti dengan perbuatan *al-Washm* dan *al-Tafalluj* dengan empat tokoh.

Tokoh yang mengemukakan *'illah* larangan *al-Washm* adalah al-Khattabi, al-Qadi 'Iyad, al-Qurtubi dan al-Sindi. Tokoh yang mengemukakan *'illah* larangan *al-Tafalluj* pula adalah al-Khattabi, al-Nawawi, al-'Aini dan al-Sindi. Akhir sekali, dua tokoh yang mengemukakan *'illah* larangan *al-Nams* adalah al-Khattabi dan al-Sindi.

Semua tokoh *salaf* iaitu 'Aishah RA, Mu'awiyah RA, Ummu Salamah RA, Ibn 'Abbas RA, Sa'id bin Jubair, Ibrahim al-Nakha'i, al-Laith bin Sa'd dan Malik hanya mengemukakan pandangan mereka mengenai *'illah* larangan *al-wasl* tanpa menyentuh baki tiga lagi perbuatan; *al-washm*, *al-nams* dan *al-tafalluj*. Majoriti mereka berpendapat *'illah* larangan *al-wasl* adalah dengan melihat bahan yang digunakan untuk menyambung rambut. Larangan hanya tertakluk pada rambut manusia dengan pengecualian pada rambut palsu dari bahan selain rambut manusia. Ini diikuti *'illah* penipuan yang dikemukakan oleh Mu'awiyah RA dan Malik, dan *'illah* perbuatan 'menyambung' rambut yang dikemukakan oleh Ibrahim al-Nakha'i.

Tokoh yang paling kerap mengemukakan *'illah* larangan adalah al-Khattabi sebanyak 12 *'illah* dan menjadikan beliau satu-satunya tokoh yang mengemukakan *'illah* bagi setiap perbuatan *al-wasl*, *al-washm*, *al-nams* dan *al-tafalluj*. Seterusnya, al-Nawawi dan al-'Aini mengemukakan 3 *'illah*, diikuti tiga tokoh lain yang mengemukakan dua *'illah* iaitu al-Tabari, al-Qadi al-Qadi 'Iyad dan al-Sindi, manakala baki 10 tokoh hanya mengemukakan satu *'illah*.

Berdasarkan Jadual 1, pengkaji membahagikan senarai tokoh kepada tokoh *salaf* dan *khalaf*. Manakala tokoh *salaf* boleh dibahagikan kepada beberapa mazhab fiqh utama. Pembahagian tokoh ini dirumuskan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Jadual Tokoh yang Memberikan Pandangan Mengenai *'Illah* Larangan *al-Wasl*, *al-Washm*, *al-Nams* dan *al-Tafalluj*

| Salaf  | Khalaf                |                      |   |                          |            |
|--|-----------------------|----------------------|---|--------------------------|------------|
|  | Mazhab Sendiri        | Hanafi               | Maliki                                    | Syafie                   | Hanbali    |
| 'Aishah<br>Mu'awiyah<br>Ummu Salamah<br>Ibn 'Abbas<br>Sa'id bin Jubair<br>Ibrahim al-Nakha'i | Al-Laith<br>Al-Tabari | Al-'Aini<br>Al-Sindi | Imam Malik<br>Al-Qadi 'Iyad<br>Al-Qurtubi | Al-Khattabi<br>Al-Nawawi | Imam Ahmad |

Sumber: Analisis Pengkaji


Berdasarkan Jadual 2, majoriti tokoh hidup adalah dari aliran *khalaf* dengan sepuluh tokoh (62.5%) dan baki enam tokoh (37.5%) dari aliran *salaf*. Tokoh dari aliran *khalaf* pula datang dari pelbagai latarbelakang mazhab berbeza dengan empat tokoh merupakan pengasas mazhab iaitu Imam al-Laith bin Sa‘d, Imam Malik, Imam Ahmad dan Imam al-Tabari.

Manakala baki enam tokoh adalah pengikut mazhab iaitu dua orang dari mazhab Hanafi; al-‘Aini dan al-Sindi, dua orang dari mazhab Maliki; al-Qadi ‘Iyad dan al-Qurtubi, dan dua orang dari mazhab Syafie; al-Khattabi dan al-Nawawi.

### Rumusan Konsep *Taghyir Khalqillah* menurut *Muhaddithin*

Berdasarkan Jadual 1, pengkaji merumuskan konsep *taghyir khalqillah* menurut perspektif *muhaddithin* dalam bentuk rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Konsep *Taghyir Khalqillah* menurut *Muhaddithin*



Sumber: Analisis Pengkaji

Rajah 1 menunjukkan rajah konsep *taghyir khalqillah* menurut *muhaddithin* berdasarkan analisis pengkaji pada larangan *illah* perbuatan *al-wasl*, *al-washm*, *al-nams* dan *al-tafalluj*. Pengkaji membahagikan konsep *taghyir khalqillah* kepada dua aspek; dalaman dan luaran. Setiap aspek dipecahkan kepada dua jenis iaitu bentuk dan sumber bagi aspek dalaman, kesan dan tujuan bagi aspek luaran.

Terdapat sebahagian *muhaddithin* melarang sebarang *taghyir* yang bersifat kekal dan mengharuskan *taghyir* yang bersifat sementara. Namun, pandangan ini kurang tepat kerana terdapat *taghyir* yang bersifat sementara tetapi dilarang oleh Allah SWT seperti mencukur bulu kening, malah terdapat juga *taghyir* yang bersifat kekal tetapi dibenarkan oleh Allah SWT seperti berkhatan.

Sumber bahan yang digunakan dalam proses *taghyir* turut dijadikan hujah terhadap sesuatu bentuk *taghyir*. Namun, melihat sumber bahan sahaja sebagai panduan dalam menentukan hukum kurang tepat kerana sumber yang suci semata-mata tidak mengharuskan semua jenis *taghyir*. Sebagai contoh, wanita yang ingin melakukan proses transgender menjadi lelaki dengan melalui proses transplan zakar lelaki lain tidak dibenarkan walaupun menggunakan sumber zakar dari manusia yang suci kerana tubuh badan manusia tidak najis.



Sebahagian *muhaddithin* melarang wanita dari melakukan sebarang bentuk *taghyir*, tidak kira sama ada *taghyir* kekal atau sementara, dengan tujuan kecantikan berdasarkan *qiyas* terhadap *'illah* larangan dalam hadith 'Abd Allah bin Mas'ud. Namun begitu, aplikasi *'illah* ini secara umum tanpa sebarang *taqyid* kurang tepat kerana terdapat beberapa lagi hadith Nabi SAW yang mengharuskan kecantikan. Malah, Nabi SAW sendiri pernah menegur sahabat yang datang bertemu dengan beliau dalam keadaan tangan tidak berinai<sup>52</sup>. Seterusnya, proses *taghyir* yang dilakukan dengan tujuan yang baik seperti tujuan perubatan dan rawatan dibenarkan oleh syara'.

## Rumusan

*Taghyir khalqillah* adalah satu proses yang sering berlaku dalam kehidupan harian bagi meningkatkan kualiti hidup manusia, seiring dengan kemajuan sains dan teknologi, khususnya dalam bidang perubatan dan kosmetik seperti pembedahan rekonstruksi anggota badan.

Namun, penentuan hukum sesuatu *taghyir*, sama ada *taghyir* tersebut dibenarkan atau tidak masih perlu kepada justifikasi tambahan khususnya dengan merujuk kepada pandangan *fuqaha'* terhadap hadith *al-wasl*, *al-washm*, *al-nams* dan *al-tafalluj*. Begitu juga *'illah* larangan oleh *fuqaha'* terhadap mana-mana perbuatan *taghyir* turut perlu diteliti. Dengan gabungan pentafsiran nas al-Qur'an dan hadith serta pandangan fiqh, satu panduan berkaitan dengan *taghyir* dapat dibangunkan.

## Bibliografi

- Abadi, Muhammad Ashraf bin Amir bin 'Ali bin Haidar. 'Awn al-Ma'bud Sharh Sunan Abi Dawud, ed. al-Albani dan al-Athari, Muhammad Nasir al-Din dan Abu 'Abd Allah al-Nu'mani. Beirut: Dar Ibn Hazm, 2005.
- Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Qurashi. Tafsir al-Qur'an al-'Azim, ed. Sami bin Muhammad al-Salamah. Riyad: Dar Tibah, 1999.
- Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash'ath al-Sijistani al-Azdi. Sunan Abi Dawud, dicetak bersama al-Khattabi, Ma'alim al-Sunan, ed. 'Izzat 'Ubaid al-Da'as dan 'Adil al-Sayyid. Beirut: Dar Ibn Hazm, 1997.
- Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash'ath bin Ishaq bin Bashir bin Shadad al-Azdi. Sunan Abu Dawud, ed. Shu'aib al-Arna'ut dan Muhammad Kamil. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah, 2009.
- Abu Muhammad 'Abd al-Haq bin Ghalib al-Andalusi. Al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz, ed. 'Abd al-Salam 'Abd al-Shafi Muhammad. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001.

---

<sup>52</sup> Hadith diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam Kitab al-Tarajjul, Bab fi al-Khidab li al-Nisa', no. hadith 4166. Hadith dinilai sebagai da'if oleh al-Arna'ut.

Lihat: Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash'ath bin Ishaq bin Bashir bin Shadad al-Azdi, Sunan Abu Dawud, ed. Shu'aib al-Arna'ut dan Muhammad Kamil (Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah, 2009), 6:242.

- Al-‘Aini, Muhammad Mahmud bin Ahmad. ‘Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari, ed. ‘Abd Allah Mahmud Muhammad ‘Umar. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001.
- Al-‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar. Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi ‘Abdillah Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari, ed. ‘Abd al-Qadir Shaibah al-Hamd. Riyad: Amir Sultan bin ‘Abd al-‘Aziz Ali Su‘ud, 2001.
- Al-Baghawi, al-Husain bin Mas‘ud. Sharh al-Sunnah, ed. Shu‘aib al-Arna’ut. Beirut: al-Maktab al-Islami, 1983.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma‘il bin Ibrahim al-Jaf‘i. Sahih al-Bukhari, ed. Muhammad Zuhair Nasir al-Nasir. Beirut: Dar Tawq al-Najah, 2001.
- Al-Hamlawi, Ahmad bin Muhammad bin Ahmad. Shadha al-‘Arf fi Fann al-Sarf, ed. Muhammad bin ‘Abd al-Mu‘ti dan Ahmad bin Salim al-Misri. Kaherah: Dar al-Kayan, t.t.
- Al-Harari, Muhammad al-Amin bin ‘Abd Allah al-Urmi al-‘Alawi. Al-Kawkab al-Wahhaj wa al-Rawd al-Bahhaj fi Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj, ed. Mahdi, Hashim Muhammad ‘Ali. Jeddah dan Beirut: Dar al-Minhaj dan Dar Tawq al-Najah, 2009.
- Al-Khattabi, Hamd bin Muhammad. A‘lam al-Hadith, ed. Muhammad bin Sa‘id Ali Su‘ud. Mekah: Universiti Ummul Qura, 1988.
- Al-Kirman, Muhammad bin Yusuf bin bin ‘Ali bin Sa‘id. Al-Kawakib al-Darari (Sahih al-Bukhari bi Sharh al-Karmani). Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 1981.
- Al-Mu‘jam al-‘Arabiyyah al-Asasi. Tunisia: al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-‘Ulum, 1989.
- Al-Naisaburi, Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi. Sahih Muslim, ed. Muhammad Fu‘ad ‘Abd al-Baqi. Kaherah: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabi dan ‘Isa al-Babi al-Halabi, 1954.
- Al-Nasa‘i. Sunan al-Nasa‘i, dicetak bersama al-Suyuti. Sharh al-Suyuti dan al-Sindi, Hashiyah al-Sindi, eds. Maktab Tahqiq al-Turath al-Islami. Beirut: Dar al-Ma‘rifah, t.t.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf bin Murri. Al-Minhaj fi Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj (Sharh al-Nawawi ‘ala Muslim), eds. Amman dan Riyad: Beit al-Afkar al-Duwaliyyah, 2000.
- Al-Qurtubi, Abu ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr. Al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an (Tafsir al-Qurtubi), ed. ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Muhsin al-Turki dan Muhammad Ridwan ‘Araqsusi. Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 2006.
- Al-Qurtubi, Ahmad bin ‘Umar bin Ibrahim. Al-Mufhim li-ma Ashkal min Talkhis Kitab Muslim, eds. al-Sayyid dan Bazzal, Ahmad Muhammad dan Mahmud Ibrahim. Damshik: Dar Ibn Kathir dan Dar al-Kalim al-Tayyib, 1996.
- Al-Salus, ‘Ali Ahmad. Mawsu‘ah al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Mu‘asirah wa al-Iqtisad al-Islami. Kaherah dan Doha: Maktabah Dar al-Qur’an dan Dar al-Thaqafah, 2002.

- Al-Sindi, Nur al-Din Muhammad bin ‘Abd al-Hadi. Hashiyah Musnad al-Imam Ahmad, ed. Nur al-Din Talib. Qatar: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Qatar, 2008.
- Al-Tabari, Abu Ja‘far Muhammad bin Jarir. Jami‘ al-Bayan ‘an Ta’wil Ayi al-Qur’an (Tafsir al-Tabari), ed. Mahmud Muhammad Shakir dan Ahmad Muhammad Shakir. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah, t.t.
- Al-Ubbi dan al-Sanusi, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Khalfah al-Wishtani. Ikmal Ikmal al-Mu‘lim, dicetak bersama al-Sanusi, Muhammad bin Muhammad bin Yusuf al-Husaini, Mukammil Ikmal al-Ikmal. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Ibn al-‘Arabi, Muhammad bin ‘Abd Allah bin Muhammad al-Ma‘afiri. ‘Aridah al-Ahwadhi Sharh Sahih al-Tirmidhi. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Mahmud ‘Abd al-Rahman ‘Abd al-Mun‘im. Mu‘jam al-Mustalahat wa al-Alfaz al-Fiqhiyyah. Kaherah: Dar al-Fadilah, 1999.
- Mohammad Naqib bin Hamdan dan Mohd Anuar Ramli. Konsep Mengubah Ciptaan Allah SWT: Analisis Hukum Pengkulturan Daging, dalam Jurnal INFAD (2015), vol.5, 81-105.
- Muhammad bin Yusuf, Tafsir al-Bahr al-Muhit, ed. ‘Adil Ahmad ‘Abd al-Mawjud dan ‘Ali Muhammad Mu‘awwad. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993.
- Raghib al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husain bin Muhammad. Al-Mufradat fi Gharib al-Qur’an, ed. Safwan ‘Adnan al-Dawudi. Damshik dan Beirut: Dar al-Qalam dan Dar al-Shamiyyah, 1991.

